



## **GARIS PANDUAN PENGIMARAHAN MASJID DAN SURAU SEMASA PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) DI SELURUH NEGERI SARAWAK TAHUN 2021**

Garis panduan ini dikeluarkan untuk dilaksanakan dalam Negeri Sarawak selaras dengan situasi semasa Pandemik COVID-19 di bawah PPN. Majlis Islam Sarawak bersetuju memutuskan perkara-perkara berikut:-

1. **Solat Jumaat, solat Fardhu dan solat sunat adalah dibenarkan** di masjid dan surau dengan ketetapan berikut :-

<b>Kategori Masjid/Sarau</b>	<b>Solat Jumaat</b>	<b>Solat Fardhu</b>
Masjid Jamek Negeri Sarawak	Mengikut keluasan ruang solat masjid dan surau dengan penjarakan fizikal 1 meter	Mengikut keluasan ruang solat masjid dan surau dengan penjarakan fizikal 1 meter
Bahagian/ Daerah/ Daerah Kecil/ Kariah		
Surau Berjumaat		
Surau	Tidak Berkenaan	

2. **Semua aktiviti pengimarahen** masjid dan surau (pengajian/ kuliah/ ceramah/ kursus/ bengkel) **adalah dibenarkan** dengan syarat mematuhi SOP COVID-19 semasa dan penjarakan fizikal 1 meter **kecuali mana-mana aktiviti yang melibatkan sentuhan fizikal** (seperti praktikal pengurusan jenazah tanpa alas).
3. **Hanya jemaah dan petugas yang sudah lengkap 2 dos vaksin dibenarkan** untuk menghadiri aktiviti pengimarahen di masjid atau surau. (Keputusan Khas Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak)
4. Pengurusan dan pengkebumian jenazah yang tiada kaitan dengan COVID-19 adalah dibenarkan mengikut SOP COVID-19 semasa.
5. Aktiviti ziarah kubur adalah dibenarkan mengikut SOP COVID-19 semasa.

6. SOP utama yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut :-
  - i. Menggunakan pelitup hidung dan mulut (*facemask*) sepanjang masa
  - ii. Menjalani pengimbasan suhu badan
  - iii. Mendaftar kehadiran melalui Mysejahtera atau buku rekod sebelum masuk ke dalam masjid atau surau
  - iv. Membawa sejadah atau alas sujud sendiri
  - v. Berwudhuk di rumah
  - vi. Tidak bersesak-sesak ketika masuk dan keluar
  - vii. Tidak bersalaman
  - viii. Sebarang bentuk jamuan adalah tidak dibenarkan (kecuali makanan berbungkus untuk dibawa balik oleh jemaah)
  - ix. Mana-mana individu yang masih dalam tempoh notis kuarantin COVID-19 oleh KKM, berisiko atau yang mempunyai gejala demam, selsema, batuk atau sesak nafas adalah dilarang menghadiri semua aktiviti di masjid dan surau.
  - x. Masjid atau surau boleh dibuka mulai jam 4.00 pagi sehingga jam 12.00 malam setiap hari.
7. Semua SOP COVID-19 hendaklah dipatuhi sebagaimana yang ditetapkan Lembaga Fatwa Negeri Sarawak, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBN), Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bahagian (JPBB), Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia.
8. Majlis Islam Sarawak dengan kelulusan JPBN boleh mengubah atau meminda garis panduan ini dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan.
9. Pemakaian garis panduan ini berkuatkuasa **mulai 4 Oktober 2021 sehingga mana-mana arahan lanjut yang ditetapkan oleh Majlis Islam Sarawak.**

#### **Arahan**

#### **Majlis Islam Sarawak**

**30 September 2021M bersamaan 23 Safar 1443H**